



NOTIS MAKLUMAN

PENGGUNAAN FORMAT/ TEMPLAT SEBUT HARGA YURAN GUAMAN

Selaras dengan pelaksanaan membenarkan kos yuran guaman berkaitan penyediaan perjanjian pembiayaan perumahan sebagai sebahagian daripada skop pembiayaan perumahan LPPSA, berkuatkuasa **1 Mei 2018** peminjam hendaklah mengemukakan sebut harga yuran guaman menggunakan format/ templat sebut harga yang disediakan oleh LPPSA yang akan dikemukakan bersama dokumen lain permohonan pembiayaan. LPPSA tidak akan menerima format/ templat sebut harga yuran guaman selain daripada format/ templat yang disediakan selepas tarikh yang dinyatakan di atas. [Format/ Templat](#) boleh dimuat turun melalui www.lppsa.gov.my di bahagian Panduan Pembiayaan/ Borang/ Borang Permohonan.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi Pusat Panggilan LPPSA di talian 03-88801600 atau melalui portal aduan/ pertanyaan rasmi LPPSA di www.lppsa.gov.my.

Jabatan Pengurusan Produk dan Proses

25 April 2018